
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

IEK 314 – Audit Persekitaran

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Anda diperlukan menjalan satu audit “Due diligence” untuk syarikat A yang ingin menjualkan premis kilangnya yang sudah lama dihentikan operasinya.
 - (a) Nyatakan skop audit anda.
 - (b) Berikan 5 perundangan yang mungkin akan diambil kira.
 - (c) Apakah maklumat sejarah yang anda akan pertimbangan dalam langkah mengaudit?

(20 markah)

2. Sediakan satu protokol formal untuk mengaudit pelepasan ke udara dari kilang kayu lapis.

(20 markah)

3. Anda telah dilantik menjadi seorang jururunding audit untuk kilang ABC yang menghadapi masalah dengan bahan buangan terjadual. Berikan perancangan audit anda untuk tugas ini.

(20 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan setiap peringkat proses audit adalah tidak linear. Berikan contoh yang berkaitan.

(20 markah)

5. Syarikat anda ada masalah dengan kualiti effluen yang terjana dimana COD dan BOD tidak mematuhi had yang dibenarkan. Anda diberi tanggungjawab menyelesaikan masalah menerusi audit. Apakah jenis, kategori, skop audit yang anda akan lakukan. Berikan kelebihan dan kekurangan jenis-jenis atau kategori audit yang anda ada pilihan. Bagaimana anda memilih skop-skop audit?

(20 markah)

6.
 - (a) Berikan 3 istilah berbeza untuk audit.

(6 markah)
 - (b) Nyatakan 3 halangan audit.

(3 markah)
 - (c) Berikan format laporan bertulis audit.

(11 markah)

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

IEK 311 – Masyarakat Dan Alam Sekitar

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan sejarah riba dari pelbagai sudut yang membawa kepada peningkatan aktiviti pengeluaran industri kemudian kupas mengenai kesan sistem riba semasa ke atas persekitaran global.
(100 markah)
2. Kupas lagu Oh Bangau- Oh Bangau menurut pandangan ekonomi politik persekitaran.
(100 markah)
3. Bincang mengenai keperluan sistem kewangan global yang mesra alam.
(100 markah)
4. Beri penjelasan mengenai tajuk kapitalisme dan persekitaran.
(100 markah)
5. Beri pandangan mengenai kaitan pemikiran saintifik dan kapitalisme.
(100 markah)
6. Bincang mengenai 3R dari sudut ekonomi-politik persekitaran.
(100 markah)